

# Cuili sasar mara ke final 10m air pistol

**Kuala Lumpur:** Penembak Universiti Putra Malaysia (UPM), Siau Cuili berharap mampu mara ke final acara 10 meter (m) air pistol individu wanita pada Kejohanan Menembak Universiti Dunia (WUSG) 2018 di Subang, minggu depan.

Katanya selain ke final, dia juga berhasrat menjadikan kejohanan itu sebagai medan menimba pengalaman tatkala ramai penembak bertaraf dunia mengambil bahagian pada saingan di Lapang Sasar Menembak Kebangsaan Subang itu.

“Untuk kejohanan ini sasaran

saya ke final acara 10 meter (m) air pistol. Tetapi saya tidak berasa tertekan kerana menganggap kejohanan ini sebagai tempat mencari pengalaman.

## **Dapat tunjuk ajar**

“Penembak berpengalaman negara seperti Eddy Chew memberi tunjuk ajar seperti mengubah posisi bagi mendapatkan tembakan tepat selain menegur sekiranya melakukan kesilapan,” katanya yang turut beraksi dalam acara 25m sport pistol individu dan berpasukan wanita serta acara berpasukan 10 meter (m) air pistol.

**Fakta  
nombor**

**24** NEGARA

mengambil bahagian Kejohanan Menembak Universiti Dunia (WUSG) 2018 di Subang pada 14 hingga 18 Mac ini

WUSG 2018 akan berlangsung di Lapang Sasar Menembak Kebangsaan Subang pada 14 hingga 18 Mac ini yang menyaksikan 24 negara mengambil bahagian termasuk Malaysia selaku tuan rumah.

Ia menghimpunkan 277 penembak dan 84 pegawai yang akan bersaing dalam tiga disiplin iaitu rifle, pistol dan shotgun (skeet dan trap) dengan Malaysia menampilkan 15 penembak negara untuk kejohanan ini.

**Oleh Mohd Khairie Khalid**  
khairie@nstp.com.my